□ HARI INI, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MERASMIKAN KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI KEDUA DAN KETIGA INI SEBAGAI SATU KENANGAN SEJARAH PERJUANGAN MEREKA.

□ 2,500 BAHAN BERSANGKUTAN DENGAN PERJUANGAN DAN JUGA KEHIDUPAN TUN RAZAK TELAH DIKUMPULKAN DAN HANYA 800 SAHAJA AKAN DIPAMERKAN TERMASUK TIGA PERSEMBAHAN KHAS YANG AMAT MENARIK.

# SRI TAMAN KINI JADI PERINGATAN TUN RAZAK

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



● SRI TAMAN yang kini menjadi kenangan sejarah perjuangan Tun Abdul Razak.

KUALA LUMPUR — Sri Taman, rumah yang dibina untuk Timbalan Perdana Menteri, berubah sebagai kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia Kedua dan Ketiga dan mulai 6 Mei ini pula akan dikenali sebagai "Peringatan Tun Abdul Razak".

Terletak di lereng sebuah anak bukit di Jalan Perdana, berdekatan dengan kebun bunga Taman Tasik Perdana, rumah ini mula didiami oleh Tun Abdul Razak Datuk Hussein, ketika itu Timbalan Perdana Menteri, pada tahun 1962.

## Menghijau

Beliau terus mendiami Sri Taman selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua sehinggalah ke akhir hayatnya pada bulan Januari 1976.

Perdana Menteri Ketiga, Tun Hussein Onn, hanya menduduki Sri Taman 11 bulan kemudiannya pada Disember 1976 hingga 2 September 1981 selepas beliau mengosongkan jawatannya atas sebab-sebab kesihatan.

Dalam bulan yang sama, Perdana Menteri Keempat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memutuskan untuk menjadikan bangunan Sri Taman sebagai "Peringatan Tun Abdul Razak" sebagai memperingati jasa dan sumbang bakti Allahyarham kepada rakyat dan negara.

Projek Peringatan Tun Abdul Razak ini, yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, akan dibuka dengan rasminya oleh beliau sendiri pada 6 Mei ini.

Di kelilingi oleh tumbuh-tumbuhan menghijau yang menyamankan suasana keliling serta sunyi dari kesibukan kota, memanglah wajar bagi Sri Taman dijadikan bangunan peringatan yang kekal untuk satu zaman sejarah tanahair yang penting di bawah pimpinan Allahyarham.

Menurut Ketua Pengarah Arkib Negara, Datin Zakiah Hanum tarikh 6 Mei dipilih untuk upacara perasmian kerana terdapat dua peristiwa bersejarah berkaitan dengan Allahyarham Tun Abdul Razak mengenai pembentukan Jawatankuasa Penyata Pelajaran 1956 (Penyata Pelajaran Razak 1956) pada 6 Mei 1956 dan pelancaran Buku Merah (Rancangan Lima Tahun Luar Bandar) oleh Allahyarham pada 6 Mei 1960.

Kata Datin Zakiah Hanum projek peringatan ini dimulakan sebagai sebahagian dari projek pustaka peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR) yang didasarkan atas konsep "Perpustakaan-perpustakaan Presiden" di Amerika Syarikat dan "Muzium dan Perpustakaan Nehru" di India.

## Peristiwa

Arkib Negara, yang akan mentadbir dan mengelolakan Peringatan Tun Abdul Razak ini, memulakan tugas untuk menjayakannya pada bulan November tahun lalu.

Peruntukan $1.9 juta telah diluluskan oleh kerajaan untuk kerja-kerja pembinaan semula, membaiki, mendirikan tempat mempamer bahan dan pengindahan di sekitar kawasan Sri Taman.

Dalam menjayakan projek ini beberapa jabatan dan agensi kerajaan terlibat termasuk Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaraya, Muzium Negara dan Muzium Seni dan Jabatan Perdana Menteri.

Tidak kurang pentingnya ialah sokongan dan kerjasama sepenuhnya dari keluarga Allahyarham sendiri.

**Oleh NAZLEE ISMAIL**

> **Ianya bertujuan bagi membolehkan rakyat mengenali dan memahami lebih mendalam perjuangan Tun Abdul Razak**

Dalam memastikan kejayaan peringatan ini, Arkib Negara telah menjalankan kerja-kerja mengumpul bahan-bahan berkaitan dengan Allahyarham sejak tahun 1963.

Pengumpulan bahan ini digiatkan mulai November 1976 ketika projek PINTAR dilancarkan dan sehingga kini 25,000 jenis bahan telah diperolehi dan masih terus diterima.

Bahan-bahan ini diperolehi dari jabatan-jabatan kerajaan, orang perseorangan, syarikat swasta, sahabat handai Allahyarham di samping keluarga Allahyarham sendiri yang paling banyak menyumbangkan bahan berkenaan.

Bagaimanapun di Peringatan Tun Abdul Razak, hanya kira-kira 800 bahan sahaja akan dipamerkan.

Antara bahan yang akan dipamerkan ialah gambar, dokumen, sijil, surat peribadi, filem dan filem sisipan, pita rakaman, filem video, bahan penerbitan, bahan milik sendiri, piring hitam dan keratan akhbar.

Pembahagian pameran terdiri dari biografi, milik sendiri, pelajaran, pertahanan, kegiatan sosial, kegiatan keagamaan, cendermata dan hadiah, kegiatan hal ehwal luar negeri, bilik bacaan, politik, pembangunan, bilik tidur, hoki, kembali ke rahmatullah, sudut Tun Hajah Rahah dan Yayasan Tun Abdul Razak.

## Kejayaan

Dua bahagian di Sri Taman yang akan dikekalkan seperti yang ditinggalkan oleh Allahyarham ialah bilik bacaan dan bilik tidurnya.

Dilihat dari pembahagian ini, bahan-bahan yang bakal dipamerkan meliputi riwayat hidup Allahyarham dengan merakamkan latar-belakang keluarga, pendidikan, penglibatan dalam politik serta semasa memegang berbagai potfolio dalam kabinet seperti Pelajaran dan Pertahanan.

Terdapat tiga persembahan khas yang pasti akan dapat menarik perhatian pelawat iaitu sisipan pelbagai imej, sistem main balik video dan sistem main balik projektor.

Untuk menjadikan Peringatan Tun Abdul Razak ini lebih menarik, muzik latar dipersembahkan sepanjang peringatan ini dibuka dengan memainkan lagu-lagu kegemaran Alahyarham dan lagu-lagu yang digubah khas untuk beliau. Di samping itu, petikan ucapan-ucapan yang pernah beliau buat ketika hayatnya dimainkan juga untuk membolehkan orang ramai mengenang dan mengingati kembali pesanan-pesanan berguna yang beliau telah sampaikan kepada rakyat.

Sesungguhnya pameran di Peringatan Tun Abdul Razak ini bertujuan membolehkan orang ramai mengenali dan memahami dengan lebih mendalam akan perjuangan Allahyarham sebagai seorang tokoh negara yang agung.

Allahyarham Tun telah mencurahkan segenap tenaga dan usianya kepada perjuangan demi menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan dunia.

Menurut Datin Zakiah Hanum, bangunan Sri Taman dipilih untuk projek Peringatan Tun Abdul Razak adalah atas beberapa sebab tertentu.

Antaranya Sri Taman bekas kediaman rasmi dua orang Perdana Menteri menjadikannya bangunan bersejarah yang perlu dipelihara, ia terletak di Kuala Lumpur dan mudah dilawati oleh pelawat tempatan dan luar negeri.

Ia terletak di kawasan kebun bunga iaitu kawasan lipur diri orang ramai dan juga berhampiran dengan pusara Allahyarham Tun Razak yang terletak di Makam Negara.

## Rujukan

Tujuan dan matlamat projek Peringatan Tun Abdul Razak ialah untuk memelihara bahan-bahan seperti rekod, dokumen, ucapan, buku, bahan pandang dengar, hadiah, anugerah kebesaran dan memorandum kepunyaan dan mengenai Allahyarham sepanjang hayat.

Ia juga untuk mengadakan kemudahan menyimpan dan memelihara bahan rujukan dan penyelidikan mengenai jasa-jasa Allahyarham kepada negara dan juga mengenai pentadbirannya.

Sebelum ini, Arkib Negara telah pun memulakan siri penerbitan ucapan Tun Abdul Razak dalam 16 jilid dari 1960 hingga 1975 manakala pameran bergerak mengenai koleksi Allahyarham telah diadakan di seluruh Semenanjung sejak 1976.

Bagi mengendalikan projek Peringatan Tun Abdul Razak ini, seramai 46 orang kakitangan semua peringkat telah diambil oleh Arkib Negara.

Menurut Datin Zakiah Hanum peringatan ini akan mula dibuka kepada orang ramai selepas upacara perasmian itu.

Waktu melawat ialah hari Ahad, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu dari 9 pagi hingga 6 petang dan Jumaat dari 9 pagi hingga 12 tengahhari dan 3 hingga 6 petang. Ia akan ditutup pada hari Isnin. — Bernama.